

[Home](#) / [2025](#) / [July](#) /

UiTM Pahang Perkasa Pendidikan Awal dan Komuniti Menerusi Program “Tiny Hands, Big Garden”

SINERGI

24/07/2025 / NUR SURAYA ABDULLAH



Jengka, Pahang – 4 Julai 2025 – Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Pahang menerusi Fakulti Perlindungan dan Agroteknologi berjaya menganjurkan program khidmat komuniti SULAM bertemakan “**Tiny Hands, Big Garden**”, yang berlangsung di **Tabika KEMAS Felda Jengka 2**. Program ini disertai oleh **pelajar Ijazah Sarjana Muda Teknologi dan Pengurusan Perlindungan**, bersama **kanak-kanak, ibu bapa dan masyarakat setempat** dalam usaha menyemai minat awal

terhadap bidang pertanian dan kelestarian alam sekitar.

Program ini berfungsi sebagai platform pendidikan luar bilik darjah bagi memperkenalkan **asas pertanian** kepada kanak-kanak sejak usia muda. Antara aktiviti utama yang dijalankan termasuk **penyediaan batas dan medium tanaman**, serta penanaman sayur-sayuran seperti **cili dan kangkung**, di mana peserta cilik dibimbing secara langsung oleh para mahasiswa UiTM. Aktiviti hands-on ini telah membuka peluang kepada kanak-kanak untuk mempelajari teknik asas bercucuk tanam dalam suasana santai dan menyeronokkan.

Lebih bermakna, **penglibatan aktif ibu bapa dan komuniti Felda** dalam aktiviti berkebun menjadikan program ini sebagai satu pendekatan holistik yang menyatukan pendidikan, kekeluargaan dan komuniti. Program ini turut berjaya memupuk **semangat kesukarelawanan, tanggungjawab sosial dan sokongan terhadap pendidikan awal kanak-kanak** dalam kalangan peserta.





Sebagai kesinambungan, setiap kanak-kanak menerima **kit tanaman untuk amalan di rumah**, sekaligus menggalakkan kesinambungan pembelajaran dan penjagaan bersama keluarga. Hasil tanaman yang dibawa pulang berfungsi sebagai dorongan untuk terus meneroka potensi pertanian sebagai sumber pendapatan dan gaya hidup lestari.

Puan Hazwani Idawati Mahamud, Pengerusi Tabika KEMAS, menyatakan bahawa program ini bukan sahaja menyokong **pembelajaran berasaskan pengalaman**, malah membentuk generasi muda yang peka terhadap **kelestarian alam sekitar, keselamatan makanan dan kehidupan berdikari**. Beliau menyifatkan pendekatan ini sebagai contoh kolaboratif berimpak tinggi yang wajar diperluaskan ke komuniti lain.

Inisiatif “Tiny Hands, Big Garden” sekali lagi memperkukuh peranan UiTM dalam memacu **pendidikan berorientasikan komuniti dan kelestarian**, selaras dengan aspirasi pembangunan mampan dan pemeraksanaan generasi masa hadapan.

Penulis: Nur Suraya Abdullah



Tags: [Fakulti Perladangan dan Agroteknologi \(FPA\)](#), [Tabika KEMAS Felda Jengka 2](#), [UiTM Cawangan Pahang](#), [Universiti Teknologi MARA \(UiTM\)](#)

☐ UiTM Perkukuh Agenda Kebajikan
Mahasiswa Menerusi Inisiatif Dapur
HEP di UiTM Cawangan Sabah

UiTM Perak Raih Tempat Kedua
Kategori Sains dan Teknologi di ☐
SULAM Showcase @ UiTM 2025

QUICK LINKS

[Ministry of Higher Education](#)
[Academic Calendar](#)
[Intake Calendar](#)
[Graduate Quick Search](#)
[Library](#)
[UiTM Holdings](#)
[WiFi UiTM](#)
[E-Complaint](#)

HUBUNGI KAMI

[Universiti Teknologi MARA
\(UiTM\)](#)
40450 Shah Alam, Selangor
Darul Ehsan
Malaysia

Tel: +603-5544 2051 / 2000

